I CAN ACT AGAINST SCAMS

Panduan Sumber

Dibawa kepada anda oleh:

SINGAPORE POLICE FORCE
SAFEGUARDING EVERY DAY

NATIONAL CRIME PREVENTION COUNCIL

Para penduduk yang dihormati,

PANDUAN SUMBER ANTIPENIPUAN UNTUK ORANG AWAM

Lebih daripada S$1.1b telah hilang kepada 51,501 kes penipuan yang dilaporkan pada tahun 2024.

Sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa penipuan. Kita perlu berwaspada dan bersedia untuk bertindak apabila kita menghadapi situasi yang berkaitan dengan penipuan dalam kehidupan seharian kita.

Panduan Sumber Antipenipuan ini telah dihasilkan untuk melengkapkan diri anda dengan informasi mengenai langkah-langkah perlindungan yang boleh anda ambil untuk melindungi diri anda dan orang yang anda sayangi daripada penipuan. Jika terjadi keadaan malang yang mana anda atau seseorang yang anda kenali menjadi mangsa penipuan, panduan ini memberikan nasihat tentang apa yang anda harus lakukan, menangani soalan yang sering ditanya mengenai siasatan polis terhadap kes berkaitan penipuan, dan menyediakan satu senarai sumber sokongan yang ada dalam masyarakat.

Ambil tindakan terhadap penipuan hari ini! Kami amat menggalakkan anda untuk memasang aplikasi ScamShield pada peranti mudah alih anda untuk melindungi diri anda daripada penipuan panggilan telefon dan SMS. Anda juga boleh menghubungi talian bantuan ScamShield 24/7 di **1799** untuk memeriksa jika anda tidak pasti jika situasi yang anda hadapi adalah satu penipuan. Selain itu, anda boleh mengetahui lebih lanjut tentang penipuan biasa di Singapura dengan melungsuri laman web ScamShield di www.scamshield.gov.sg.

Marilah kita sama-sama memainkan peranan untuk meningkatkan daya tahan kita terhadap penipuan. Bersama, kita boleh bertindak terhadap penipuan!

Yang benar,

Pejabat Pendidikan Awam Penipuan
Pasukan Polis Singapura

TIP UNTUK MENGUKUHKAN PERLINDUNGAN ANDA TERHADAP PENIPUAN

ADD (MASUKKAN)

- **Aplikasi ScamShield** pada telefon bimbit (peranti mudah alih) anda untuk menyekat panggilan penipuan telefon dan mengesan SMS penipuan
- **Aplikasi anti-virus** untuk melindungi peranti mudah alih anda daripada perisian hasad
- **Money Lock** untuk melindungi simpanan bank anda daripada penipuan dengan lebih baik
- **Penyekatan Panggilan Antarabangsa** untuk melindungi diri anda daripada panggilan penipuan antarabangsa dengan lebih baik
- **Pengesahan Dua atau Berbilang Faktor** untuk melindungi e-dompet, akaun dalam talian dan media sosial anda

CHECK (PERIKSA)

- dengan menghubungi **Talian Bantuan ScamShield 24/7 @ 1799** atau dengan **seseorang yang anda percayai** apabila anda tidak pasti jika keadaan yang anda hadapi adalah satu penipuan
- SMS yang anda terima daripada agensi-agensi Pemerintah adalah daripada **ID Pengirim gov.sg**
- **lelaman ScamShield** (www.scamshield.gov.sg) untuk mengetahui tentang penipuan terbaru

TELL (BERITAHU)

- **aplikasi ScamShield** mengenai pengalaman penipuan anda
- **orang tersayang** tentang penipuan terbaru dan langkah-langkah perlindungan anti-penipuan

SCAMSHIELD

Lindungi diri anda dengan Koleksi Perlindungan ScamShield



OPEN GOVERNMENT PRODUCTS

SINGAPORE POLICE FORCE
SAFEGUARDING EVERY DAY

NATIONAL CRIME PREVENTION COUNCIL

BERHATI-HATI DENGAN PENIPUAN PENYAMARAN

Pegawai Pemerintah TIDAK akan melakukan perkara-perkara berikut melalui panggilan telefon:



Meminta anda **memindahkan wang**;



Meminta anda mendedahkan **butiran log masuk bank**;



Meminta anda memuat turun **aplikasi mudah alih** dari **kedai aplikasi tidak rasmi**;



Memindahkan panggilan anda kepada Polis.

Jika anda menerima SMS daripada pemerintah, pastikan ia dihantar daripada ID Penghantar SMS **gov.sg*.**

Penipu mungkin menyebut maklumat peribadi anda (contohnya, nama atau nombor kad pengenalan) supaya kelihatan sah. **Jangan langsung percayakan seseorang hanya kerana dia mempunyai maklumat peribadi anda.**

Tidak pasti jika ia satu penipuan?
Periksa dengan menghubungi talian bantuan ScamShield 24/7 di 1799.

**Pengecualian untuk urusan Perkhidmatan Negara dan perkhidmatan kecemasan.*
*Baca lebih lanjut mengenai pengecualian di **[sms.gov.sg/exceptions].***

APA HARUS SAYA LAKUKAN JIKA SAYA MENJADI MANGSA PENIPUAN?

- **Hubungi bank anda dengan segera** jika ada di antara akaun atau kad kredit anda yang terjejas.

- **Failkan laporan polis** secara dalam talian atau secara peribadi; hubungi talian 999 jika anda memerlukan bantuan segera dari pihak Polis.



- **Beritahu semua kenalan dan pembekal perkhidmatan** jika akaun dalam talian anda terjejas.
- Jika anda masih boleh mengakses akaun dalam talian, tukar kata laluan anda dan bolehkan **pengesahan dua atau berbilang faktor**.


- Laporkan kes penipuan anda di media sosial atau platform komunikasi, kepada **pentadbir platform tersebut**.

- **Sentiasa berwaspada** terhadap percubaan penipuan berulang kali, termasuk mereka yang menyamar sebagai pegawai Polis atau pihak berkuasa pemerintah yang lain.

- Menjadi mangsa penipuan boleh membuat anda rasa tertekan. **Dapatkan sokongan** daripada keluarga dan kawan-kawan.

SOALAN LAZIM BERKAITAN DENGAN SIASATAN POLIS TERHADAP KES BERKAITAN PENIPUAN

Apa yang berlaku apabila saya membuat laporan polis?



Carta aliran berikut memberi anda gambaran keseluruhan tentang proses siasatan dan undang-undang yang lazim selepas laporan polis dibuat.

Berapa lamakah tempoh masa siasatan polis bagi kes berkaitan penipuan?

Masa yang diambil untuk melengkapkan siasatan bagi kes berkaitan penipuan begantung pada beberapa faktor, seperti jenis penipuan, sejauh mana penipu menutup jejaknya dan sama ada wang tersebut telah dipindahkan ke luar negara.

Jika wang telah dipindahkan ke luar negara — yang sering berlaku apabila melibatkan penipuan yang terjadi di Singapura — masa yang diambil adalah lebih lama. Berdasarkan faktor-faktor yang diketengahkan, masa yang diambil bagi setiap kes akan berbeza.

Bilakah saya akan mendapat maklumat terkini bagi kes polis saya?

Surat akuan terimaan/e-mel akan dihantar kepada anda dalam tempoh tujuh hari bekerja selepas anda melaporkan kes anda.

Pegawai Penyiasat (IO) yang menangani kes anda akan memberikan maklumat lanjut apabila ada perkembangan penting kepada kes. Kami memohon pemahaman anda bahawa setiap kes adalah unik dan masa yang diambil untuk menyiasat setiap kes akan berbeza.

Sekiranya anda memerlukan perhatian segera daripada pihak polis, sila hubungi ‘999’.

Saya adalah mangsa penipuan dalam talian dan telah ditipu wang saya. Bolehkah pihak Polis mendapatkan kembali wang saya?

Modus operandi yang lazim dijalankan oleh sindiket penipuan adalah memindahkan wang yang ditipu dengan pantas antara beberapa akaun bank, termasuk ke akaun bank luar negara.

Jika wang tersebut dipindahkan ke luar negara, proses mendapatkan kembali dana adalah mencabar kerana bidang kuasa yang berbeza mempunyai proses dan perundangan yang berbeza.

Peluang untuk mendapatkan kembali setelah dana dipindahkan keluar dari Singapura adalah sangat rendah, dan berkemungkinan wang tersebut sudah tidak boleh diperolehi semula.

Mengapa ia sangat mencabar untuk pihak Polis mendapatkan kembali wang saya jika ia telah dipindahkan keluar dari Singapura?

Akaun luar negara berada di luar bidang kuasa Singapura dan Pasukan Polis Singapura tidak dapat melaksanakan sebarang kuasa undang-undang untuk membekukan atau merampas akaun tersebut atau memaksa bank yang berpangkalan di luar negara untuk membalikkan transaksi.

Dalam kes sedemikian, pihak Polis hanya boleh memaklumkan rakan sejawatnya di luar negara tentang perkara tersebut dan meminta bantuan mereka untuk menyiasatnya. Ia juga bergantung pada undang-undang negara tersebut dan dasar-dasar perniagaan dalam bank asing yang terbabit.

Peluang untuk mendapatkan kembali setelah dana dipindahkan keluar dari Singapura adalah sangat rendah, dan berkemungkinan wang tersebut sudah tidak boleh diperoleh semula.

Berapa lamakah masa yang diambil oleh pihak Polis untuk memulangkan wang saya jika ia diperoleh semula?

Pihak Polis hanya boleh memulangkan sebarang wang yang dirampas kepada mangsa selepas siasatan selesai.

Jumlah masa yang diambil untuk melengkapkan siasatan, dan sewajarnya, jumlah masa yang diambil untuk wang yang dirampas dipulangkan kepada mangsa, bergantung pada banyak faktor yang berbeza dan ia berbeza bagi jenis-jenis penipuan yang berlainan.

Ini termasuk sama ada terdapat beberapa orang yang membuat tuntutan dan sama ada wang tersebut masih relevan bagi tujuan siasatan atau perbicaraan mahkamah atau prosiding mahkamah yang lain.

DI MANA SAYA BOLEH MENDAPATKAN SOKONGAN?

Sokongan daripada Pegawai Penjagaan Mangsa

Jika anda memerlukan sokongan emosi semasa siasatan dan/atau proses mahkamah, maklumkan kepada IO anda yang akan mengaturkan untuk anda bercakap dengan Pegawai Penjagaan Mangsa (VCO).

Pegawai Penjagaan Mangsa (VCO) merupakan sukarelawan yang dilatih untuk memberikan sokongan emosi dan praktikal kepada mangsa jenayah semasa mereka menjalani proses keadilan jenayah.

Sokongan Masyarakat

Sekiranya anda memerlukan sokongan lanjut dalam masyarakat, berikut adalah beberapa saluran yang boleh anda pertimbangkan:

Kesejahteraan Mental

Samaritans of Singapore (talian hotline 24 jam)	1 767
Talian Bantuan Institut Kesihatan Mental (talian hotline 24 jam)	6389 2222
Persatuan Kesihatan Mental Singapura	1800 283 7019

Bantuan Kewangan

Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga, Pejabat Khidmat Sosial, talian hotline ComCare Bagi individu yang menghadapi kesukaran memenuhi keperluan asas dan memerlukan bantuan kewangan	1800 222 0000

Kaunselling

Talian Hotline Kaunseling Bebas Tol dalam Bahasa Mandarin Care Corner	TOUCHline (Kaunseling)	Pusat Kaunseling Care Corner	Pusat Kaunseling dan Jagaan	Silver Ribbon (Kaunseling)
1800 353 5800	1800 377 2252	6353 1180	6536 6366	6386 1928

Dibawa kepada anda oleh:



